

D422

R 8924 BAH  
MAHATHIR - POLIS  
(EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 0001, 24 JULAI)

KUALA LUMPUR, 23 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN KEBANGGAAN BELIAU DENGAN KEMAMPUAN POLIS MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG NEGARA, MEMELIHARA KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA SERTA MELINDUNGI RAKYAT.

PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA ANGGOTA POLIS TELAH MEMPERLIHATKAN KESANGGUPAN BERJUANG HINGGA KE TITISAN DARAH YANG TERAKHIR DALAM MEMPERTAHANKAN MARUAH DAN KEDAULATAN NEGARA.

SEMUA PENGORBANAN ITU AKAN TETAP DIKENANG DAN DISANJUNG OLEH RAKYAT, KATA BELIAU DALAM PERUTUSAN SEMPENA GENAP 30 TAHUN PENGANUGERAHAN GELARAN +DIRAJA+ KEPADA PASUKAN POLIS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENGURNIAAN GELARAN +DIRAJA+ ADALAH SEBAGAI MENGHARGAI PERJUANGAN, PENGORBANAN DAN KESETIAAN PARA PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS MENGHADAPI PEMBERONTAKAN BERSENJATA PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) YANG DIHARAMKAN, DARI TAHUN 1948 HINGGA 1960.

PERDANA MENTERI MAHUKAN SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS AGAR TERUS BERAZAM UNTUK MENYUMBANGKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH CEMERLANG KEPADA RAKYAT DAN NEGARA. --LAGI

1601MST 23 07 88

D425

R 8925 BAH  
MAHATHIR - POLIS 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

RAKYAT PULA PERLU TERUS MEMBERIKAN KERJASAMA DAN SOKONGAN PADU KEPADA PASUKAN POLIS, TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

KETUA POLIS NEGARA, TAN SRI MOHD HANIFF OMAR, DALAM PERUTUSANNYA BERKATA, HUBUNGAN BAIK RAKYAT DAN POLIS PATUT DIMANTAPKAN LAGI TERUTAMA SEKALI DALAM MEMBANTU POLIS MEMAINKAN PERANAN DAN MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB MENDAULATKAN UNDANG-UNDANG, MENGEKALKAN KEAMANAN DAN MELINDUNGI KETAHANAN NASIONAL.

+KERJASAMA DAN KEYAKINAN MASYARAKAT AMAT DIPERLUKAN BAGI MEMBANTU KAMI MEMBINA SEBUAH PASUKAN POLIS YANG BERWIBAWA, CEKAP DAN PROFESIONAL,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI HARAPAN DAN KEAZAMAN POLIS UNTUK TERUS MENYUMBANGKAN KHIDMAT BAKTI YANG LEBIH CEMERLANG, LEBIH DEDIKASI DAN LEBIH BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA.

TAN SRI MOHD HANIFF BERKATA SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-30 PENGANUGERAHAN GELARAN +DIRAJA+ BUKAN SAHAJA UNTUK MENGINGATI SAAT GEMILANG PASUKAN POLIS MENDAPAT PENGURNIAAN ITU, MALAHAN BERTUJUAN MENGHAYATI KEMBALI PERJUANGAN DAN KHIDMAT CEMERLANG PASUKAN POLIS SEMASA DARURAT DAHULU. --LAGI

1607MST 23 07 88

D427

R 8926 BAH  
MAHATHIR - POLIS 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+SEMOGA IA AKAN MENJADI INSPIRASI KEPADA KITA IAITU GENERASI DALAM PASUKAN HARI INI DAN AKAN DATANG UNTUK BEKERJA DENGAN LEBIH DEDIKASI, BERSEMANGAT DAN BERTANGGUNGJAWAB DEMI NUSA, BANGSA DAN AGAMA,+ TAMBAHNYA.

MENYINGKAP KEMBALI SEJARAH, BELIAU BERKATA SEMANGAT PERJUANGAN DAN PENGORBANAN ANGGOTA POLIS DALAM MEMPERTAHANKAN KESELAMATAN DAN KEDAULATAN NEGARA DARIPADA ANCAMAN KOMUNIS AMAT MENKAGUMKAN.

MEREKA SANGGUP BERJUANG DAN BERKORBAN SEHINGGA KE TITISAN DARAH TERAKHIR -- 1,346 ANGGOTA POLIS TELAH GUGUR SETAKAT INI (IAITU 72 PERATUS DARIPADA SERAMAI 1,865 ANGGOTA BERUNIFOM YANG TERKORBAN KERANA MEMPERTAHANKAN NEGARA). -- BERNAMA

1610MST 23 07 88